



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PENGUKUHAN KETERJAMINAN MAKANAN MENERUSI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK13) 2026-2030 MELAKAR SEMULA PEMBANGUNAN

PUTRAJAYA, 1 OGOS 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Kementerian Ekonomi atas penghasilan dan pembentangan dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang cukup penting untuk melakar semula pembangunan negara khusus bagi tempoh 2026 hingga 2030.

KPKM menyambut baik dokumen RMK13 yang telah dipetakan kepada tiga teras utama Ekonomi MADANI, iaitu Memperkukuh Tatakelola Baik, Menaikkan Siling dan Menaikkan Lantai serta meletakkan matlamat pembangunan sosioekonomi melalui 3 Dimensi iaitu Berpendapatan Tinggi dan Mampan, Kehidupan Bermutu dan Terangkum, serta Alam Sekitar Lestari. Kerangka RMK13 juga disusun mengikut 4 Tonggak seperti berikut:

Tonggak A : Meningkatkan Kerencaman Ekonomi

Tonggak B : Meningkatkan Mobiliti Sosial

**Tonggak C : Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi
Perkhidmatan Awam**

**Tonggak D : Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian
Alam Sekitar**

KPKM juga amat menghargai tumpuan dan komitmen Kerajaan terhadap usaha pengukuhan keterjaminan makanan yang merupakan satu langkah strategik untuk memastikan daya tahan negara, terutama bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. KPKM sedar akan hakikat ini dan sedia mempergiatkan pelaksanaan yang telah dirangka menerusi Tonggak A, Strategi A4 RMK13 iaitu:

Strategi A4.1 – Mempertingkatkan Pengeluaran Makanan

Strategi A4.2 – Memantapkan Keterjaminan Bekalan Makanan

Strategi A4.3 – Memperkukuh Rantaian Bekalan Makanan

Pengeluaran agromakanan berskala besar termasuk penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun, penambahbaikan sistem pengairan dan saliran, penghasilan varieti tanaman dan baka berkualiti serta penggunaan teknologi termaju dalam meningkatkan industri perikanan tangkapan dan akuakultur menjadi iltizam KPKM dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Kesemua usaha dan strategi ini dijangka dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian sebanyak 1.5% setahun dalam tempoh tersebut.

Selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0), RMK13 juga telah menetapkan sasaran terpilih Kadar Sara Diri (SSR) dan pertumbuhan sumbangan nilai ditambah sektor agromakanan untuk mengukuhkan keterjaminan makanan seperti berikut:

Sektor/ Subsektor	Sasaran SSR	Sasaran Sumbangan Nilai Ditambah
Tanaman:		RM21.8 bilion
i. Buah-buahan	83%	
ii. Sayur-sayuran	79%	
Ternakan		RM19.7 bilion
i. Daging Lembu/Kerbau	50%	
ii. Daging Ayam/Itik	140%	
iii. Telur Ayam/Itik	123%	

Sektor/ Subsektor	Sasaran SSR	Sasaran Sumbangan Nilai Ditambah
Perikanan	98%	RM14 bilion
Beras	80%	RM2.5 bilion (Padi)

KPKM sepenuhnya menyokong aspirasi RMK13 yang dibentang sejajar dengan anjakan perubahan yang dihasratkan oleh Kementerian iaitu pemupukan minda baharu yang tidak hanya tertumpu kepada golongan sasaran malah turut melibatkan golongan mentadbir urus dan pendekatan pemodenan yang menyeluruh merentasi sektor pertanian. KPKM yakin gembleran usaha semua pihak pastinya akan terus memperkukuh keterjaminan makanan negara selaras dengan matlamat DAN 2.0 dan RMK13 menuju tahun 2030.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

